

03 JUN 2003

Najib-Calon

NAJIB RAMAL ANTARA 20 DAN 30 PERATUS CALON AKAN BERUBAH

KANGAR, 3 Jun (Bernama) -- Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak meramalkan antara 20 dan 30 peratus calon daripada parti itu pada pilihan raya umum akan datang adalah muka baru.

Beliau berkata Umno bagaimanapun sentiasa berhati-hati memilih calon supaya hanya mereka yang berkelayakan sahaja diberi peluang,

Pemilihan calon akan dilakukan secara adil dan munasabah, katanya kepada para pemberita selepas merasmikan seminar pemikiran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sempena Konvensyen Umno Perlis di sini hari ini.

Najib berkata pemillihan calon akan melalui proses yang menyeluruh kerana ia memerlukan cadangan dan pandangan daripada tiga peringkat pemilihan -- peringkat bahagian, perhubungan negeri dan pucuk pimpinan.

"Yang dipilih semula, yang gugur adalah perkara biasa," kata Najib yang juga Menteri Pertahanan ketika diminta mengulas kenyataan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di sini semalam bahawa pemilihan calon pilihan raya umum akan dilakukan secara adil dan saksama.

Sementara itu, ketika merasmikan seminar sehari yang disertai kira-kira 1,000 anggota Umno itu, Najib yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pendaftaran Pengundi Umno berharap proses pendaftaran pemilih di kalangan golongan muda yang menyokong parti itu dilakukan secara menyeluruh.

Katanya pendaftaran dari kalangan mereka ini amat penting bagi memastikan kekuatan Barisan Nasional (BN) yang ditunjangi Umno tidak terganggu pada pilihan raya umum akan datang.

Mengenai pemikiran Dr Mahathir yang dibincangkan, Najib berkata Perdana Menteri telah membawa kecemerlangan pada negara meskipun ketika dunia dilanda krisis kewangan yang teruk pada 1997.

Ketika kebanyakan pemimpin dunia dan negara menghadapi kebuntuan menyelesaikan masalah ekonomi pada masa itu, Dr Mahathir melahirkan ideanya bagi menyelamatkan negara dengan dasar kewangannya, katanya.

"Dr Mahathir telah menyelamatkan ekonomi, politik dan maruah negara sepanjang kepimpinannya," kata Najib.

Beliau turut meminta setiap anggota Umno memberi sokongan tidak berbelah bahagi kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang bakal menggantikan kepimpinan Dr Mahathir selepas Oktober.

Katanya Umno perlu kuat dengan sokongan yang padu kepada pemimpin atasan dan tidak perlu ada yang mempertikaikannya.

Beliau turut menasihati anggota Umno supaya tidak membawa cerita-cerita yang boleh melemahkan kekuatan parti.

Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim yang juga pengerusi seminar itu berkata pemikiran besar Dr Mahathir perlu dikupas kerana beliau merupakan tokoh negara yang teragung.

Pemikiran Dr Mahathir yang berwawasan jauh bukan sahaja menjadi landasan pentadbiran masa kini malah untuk masa hadapan, katanya.

Antara pembentang kertas kerja ialah Timbalan Menteri Penerangan Datuk Zainudin Maidin, Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Shafie Mohamed Salleh dan Naib Presiden Umno Tan Sri Muhammad Muhammad Taib.

-- BERNAMA

AD RON